

Kerajaan teliti syor kaji semula kurikulum peradaban Islam

BH - 27/11/2023

m/s: 2

Langkah ambil kira cadangan ilmuwan, pemikir mahu kefahaman lebih mendalam mesej Islam

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan meneliti cadangan supaya kurikulum peradaban Islam dalam pengajian tinggi dikaji semula, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, langkah itu mengambil kira cadangan ilmuwan dan pemikir Islam yang bimbang dengan salah faham agama dibangkitkan pelbagai pihak, termasuk ahli politik.

Katanya, perincian cadangan itu diserahkan kepada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mahamed Khaled Nordin.

“Cadangan daripada sarjana utama itu mahukan kurikulum mata pelajaran peradaban Islam itu harus dilihat dan dikaji semula supaya betul-betul memberi kefahaman yang lebih mendalam mesej Islam.

“Sudah tentunya ini ada berkaitan soal nilai, akhlak, kemanusiaan yang universal, maka saya rasakan perlu diberi perhatian,” katanya kepada media se-



Anwar melancarkan buku *Himpunan Esei Knowledge, Tradition and Civilization: Essays In Honour of Professor Osman Bakar* di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

lepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku *Himpunan Esei Knowledge, Tradition and Civilization: Essay in Honour of Professor Osman Bakar* di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IS-TAC).

Jawab salah faham

Anwar berkata, kaji semula itu penting bagi menjawab salah faham mengenai Islam yang ditafsirkan dengan salah oleh ba-

nyak pihak.

Katanya, langkah itu juga bertujuan meningkatkan pemahaman terhadap Islam, yang mana kadang-kadang Islam itu ditafsirkan tanpa merujuk kepada sumber rujukan sebenar seperti hadis, al-Quran, sunnah dan pandangan ulama.

“Sekarang ini, semua mahu mengulas dan seolah-olah pakar menyatakan pandangan tanpa merujuk hadis, al-Quran, ulasan, buku dan pandangan pemikir Islam.

“Ini semua orang nak buat takzakhir, buat fatwa masing-masing. Bila kita tegur, dia kata kita antiulama, ini tak benar.

“Ada mendakwa mereka guru agama, sama ada panggil ulama atau tidak, itu saya tidak tahu, tapi membuat kenyataan yang salah, itu mesti ditegur,” katanya.

Beliau juga menyatakan kebimbangan ada tokoh dan pemimpin parti politik yang turut sama membuat kenyataan yang mengelirukan.

“(Tidak sepatutnya) dia ulama, maka kenyataannya semua benar. Islam tidak pernah mengajar kita begitu.

“Itu sebabnya pendidikan Islam itu harus memberi kefahaman lebih mendalam berdasarkan al-Quran, sunnah dan hadis serta pandangan ulama muktabar.

“Kupasan itu mesti dihujah dan jika perlu, dibuat teguran untuk pembetulan, ini yang dikatakan tradisi ilmu pelajaran secara kritis,” katanya.